

Prototaip kereta nasional ketiga siap, sedia dipertonton

Kerajaan tidak terbabit biaya, pelawa sektor swasta melabur

Oleh Mohd Zaky Zainuddin, Alzahrin Alias dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhbiz@bh.com.my

Prototaip kereta nasional ketiga yang dibangunkan DreamEDGE Sdn Bhd sudah siap dibangunkan dan dijangka dipertontonkan kepada umum pada April ini.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan masih meneliti kereta nasional ketiga bagi memastikannya mesra alam dan mempunyai teknologi yang boleh mengurangkan impak kepada pemandu.

“Model ini mempunyai keupayaan dari segi kapasiti tetapi ia masih memerlukan pelaburan swasta untuk pelaksanaan akhir. Kerajaan tidak terbabit dalam sebarang pembiayaan.

“Justeru, kita akan minta sektor swasta yang berminat dan melabur serta menghasilkan kereta.

“Kita juga mahu kereta nasional baharu ini mempunyai keupayaan untuk pasaran eksport dan kita terbuka untuk menjalin kerjasama bukan saja dari syarikat Jepun malah negara lain seperti China, Korea Selatan dan Eropah,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Dasar Automotif Negara 2020 (NAP 2020) di Kuala Lumpur, semalam.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga akan meneruskan projek kenderaan Malaysia di bawah Dasar Automotif Nasi-

onal (NAP) 2020.

Beliau berkata, projek itu akan memberi penekanan kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta penggunaan teknologi terkini demi memastikan industri automotif negara mampu bersaing dalam pasaran domestik dan global.

Katanya, kelompok teknologi baharu serta tenaga kerja pakar baharu, terutamanya dalam industri kejuruteraan automotif akan dapat dibangunkan dengan sebaiknya.

“Projek Kenderaan Nasional dijangka memberi sumbangan ketara kepada pembangunan ekonomi negara melalui sokongannya kepada industri hulu dan hiliran.

“Ia akan mewujudkan permintaan bahan berkaitan lain, seperti keluli gred tinggi, plastik, produk getah dan petrokimia, yang mana akan merangsang pertumbuhan selanjutnya subsektor ini,” ka-

tanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia (MARii), Datuk Madani Sahari, berkata Malaysia mempunyai keupayaan dalam pengeluaran kereta nasional baharu, namun pembiayaan swasta diperlukan bagi tujuan meningkatkan teknologi, pasaran eksport dan rakan kerjasama luar.

“Ini kerana, arah tuju kereta nasional baharu ini sangat luas dan menumpukan kepada pasaran eksport serta teknologi baharu.

“Pelaburan itu diperlukan untuk beberapa perkara ini. Namun ia akan dilaksanakan sepenuhnya oleh syarikat pelaksana kereta nasional ketiga, DreamEDGE,” katanya.

Prototaip kereta nasional baharu itu dijangka akan dipertontonkan kepada umum pada Malaysia Autoshow 2020 April ini di MAEPS Serdang.